

PELAJAR ASING : ANALISIS KESALAHAN KATA SENDI NAMA BAHASA MELAYU

Mazlina Baharudin

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Universiti Sains Malaysia

E-mel: mazlina@usm.my

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing bukanlah sesuatu yang asing lagi di bumi Malaysia. Saban tahun, jumlah pelajar asing ini semakin bertambah. Sama situasinya di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Begitulah juga senarionya dengan menuntut ilmu bahasa khususnya bahasa Melayu. Kajian yang berteraskan ke pustaka sepenuhnya ini menganalisis kesalahan penggunaan kata sendi nama bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Sains Malaysia yang mengambil Kursus Bahasa Melayu II (LKM 200). Sampel kajian diambil daripada soalan peperiksaan akhir LKM 200 Semester I, Sidang Akademik 2023/2024. Pengkaji turut menyenaraikan kekerapan kesalahan setiap kata sendi nama serta menganalisis punca-punca kekeliruan penggunaan kata sendi nama yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Hal ini demikian kerana ia akan membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa mereka pada masa akan datang. Dapatan kajian mendapat bahawa sebanyak lima soalan dijawab dengan betul daripada 10 soalan kesemunya. Gambaran awal menunjukkan bahawa pelajar asing ini mampu menguasai penggunaan kata sendi nama bahasa Melayu dengan sangat baik.

Kata Kunci : Kata sendi nama,pelajar asing,kesalahan


1. Pengenalan

Kata sendi nama ialah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dan ayat. Berdasarkan Tatatabahasa Dewan Edisi Baharu (Nik Safiah Karim et. al : 2004 : 252), kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Kata sendi nama terletak di depan kata nama, frasa nama atau kata ganti nama dan dipisahkan daripada perkataan yang mengikutnya. Kata sendi nama ialah perkataan yang digunakan untuk merangkaikan frasa nama dengan kata-kata atau frasa-frasa yang lain. Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai jenis kata sendi nama yang digunakan dalam pelbagai konteks. Kita akan meneliti beberapa kata sendi nama yang paling biasa digunakan dan penggunaannya yang tepat. Sebanyak lapan kata sendi nama yang diajarkan kepada pelajar asing yang mengambil Kursus LKM 200 di USM. Antaranya adalah seperti berikut. Kata sendi nama di (digunakan untuk tempat), daripada (digunakan untuk orang, perbandingan, asal kejadian, benda abstrak, pertentangan, untuk menunjukkan keanggotaan), dari (digunakan untuk tempat, arah atau masa), dengan (digunakan untuk menyatakan maksud bersama-sama atau serta, bandingan setara, keterangan cara, dan penggunaan sesuatu sebagai alat), ke (digunakan untuk tempat, masa dan benda konkret tidak bernyawa), pada (digunakan untuk masa, manusia, binatang, benda abstrak, dan benda konkret tertentu), tentang (digunakan untuk menyatakan makna berkenaan dengan/rujukan umum atau mujarad) dan kepada membawa maksud sasaran (manusia/haiwan/mujarad/pecahan/perubahan keadaan).

Bahasa Melayu dipelajari oleh pelajar asing bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Malah, tidak menghairankan kerana ada dalam kalangan mereka ini boleh bertutur dengan fasih dalam masa yang singkat. Saban hari semakin ramai pelajar antarabangsa yang datang ke Malaysia untuk menyambung pengajian mereka. Penguasaan kecekapan dan kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing berbeza-beza mengikut individu. Kajian ini akan mengenal pasti kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam skrip peperiksaan akhir Kursus Bahasa Melayu II (LKM200) di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bagi

semester 1 Sidang 2023/2024. Kursus LKM200 ini telah diambil oleh pelajar antarabangsa dari pelbagai negara seperti China, India, Korea dan Indonesia. Oleh yang demikian itu, satu analisis tahap penguasaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar asing di USM telah dilaksanakan. Dapatan yang diperoleh mendapat bahawa setiap pelajar mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan kata sendi nama yang berbeza antara individu. Perbezaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor penyumbang seperti keinginan individu, negara asal, persekitaran tempat tinggal, rakan-rakan dan sebagainya. Kursus Bahasa Melayu II (LKM200) ini adalah kursus wajib lulus kepada pelajar luar negara untuk berijazah. Jumlah pelajar antarabangsa yang mengambil kursus LKM200 ini berjumlah sepuluh orang bagi semester 1 Sidang 2023/2024. Seramai empat orang pelajar perempuan dan enam orang pelajar lelaki.

Carta 1 : Negara asal pelajar.



2. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif digunakan untuk menulis artikel ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu metode kepustakaan sepenuhnya. Kesalahan kata sendi nama dalam skrip peperiksaan akhir kursus LKM200 dijadikan sebagai data kajian. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berdasarkan kuantiti (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kajian kualitatif bererti satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial. (Creswell, 2014). Kajian kualitatif juga berfokus kepada memahami proses manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberikan makna kepada pengalaman tersebut (Merriam, 2009).

3. Reka bentuk modul pengajaran

Modul Bahasa Melayu II (LKM 200) terdiri daripada tujuh unit yang perlu diselesaikan proses pengajaran dan pembelajaran selama lima belas minggu termasuk sesi ujian dan penilaian. Kursus ini terbahagi kepada dua komponen iaitu 60 % kerja kursus dan 40% peperiksaan akhir.

Jadual 1: Modul Pengajaran Bahasa Melayu II (LKM 200)

Unit	Tajuk	Huraian ringkas
1	Panduan Sebutan Bahasa Melayu	Pengenalan terhadap sistem bunyi dalam bahasa Melayu, pengenalan terhadap skrip, sistem ejaan, bunyi, abjad, diftong, konsonan, gabungan dua konsonan contohnya ng, sy, gh, dan ny juga diperkenalkan dalam unit tersebut.
2	Keluarga	Pelajar diperkenalkan dengan topik keluarga. Kosa kata penting tentang keluarga diperkenalkan kepada pelajar. Antaranya, ibu, bapa, abang, kakak, adik dan adik-beradik. Dalam unit ini juga turut diperkenalkan dengan lapan kata sendi nama iaitu, di, pada, dari, daripada, ke, kepada, tentang dan dengan.
3	Membeli-belah	Pelajar diperkenalkan kosa kata yang banyak digunakan dalam urusan membeli-belah. Aktiviti tawar-menawar juga diperkenalkan. Sebanyak empat kata hubung turut diperkenalkan kepada pelajar.
4	Makanan	Pelajar diperkenalkan dengan kosa kata yang berkait dengan makanan. Contohnya, sedap, manis, pedas, tawar dan lain-lain. Struktur ayat aktif mula diajarkan kepada pelajar dalam unit ini.
5	Percutian	Pelajar diperkenalkan dengan kosa kata berkaitan percutian. Struktur ayat pasif mula diajarkan kepada pelajar dalam unit ini.
6	Kesihatan	Pelajar diperkenalkan dengan hal-hal berkaitan kesihatan. Cara-cara penjagaan diri turut diajarkan. Kunjungan ke hospital dan interaksi antara doktor dengan pesakit juga diperkenalkan kepada pelajar.
7	Perayaan dan kebudayaan	Pelajar diperkenalkan dengan hal-hal berkaitan sambutan perayaan utama di Malaysia diperkenalkan. Pelajar juga berkongsi sambutan perayaan di negara mereka.

4. Komponen peperiksaan

Peperiksaan akhir semester diadakan apabila pelajar telah mengikuti kelas selama empat jam seminggu dalam dua kali pertemuan selama 15 minggu. Peperiksaan akhir tersebut mengambil masa selama dua jam dan komposisi soalan adalah seperti yang terdapat pada jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Komposisi soalan peperiksaan Bahasa Melayu II (LKM 200)

Soalan	Markah	Pembahagian	Maklumat berkaitan
1	10	Bahagian A	Kata sendi nama
		Bahagian B	Kata hubung
2	10	Bahagian A	Pemahaman- Jawab 5 soalan
		Bahagian B	Tukar ayat aktif menjadi ayat pasif
3	20	Bahagian A	Bina ayat
		Bahagian B	Karangan (150-180 perkataan)

5. Perbincangan

Analisis akan dibuat berdasarkan contoh sampel soalan kata sendi nama yang diuji dalam peperiksaan akhir ini.

1. Kelas bahasa Melayu saya hari Selasa dan Khamis.
2. Setiap hari adik membaca buku pukul 8:30 malam.
3. Kami mahu pergi Perpustakaan Hamzah Sendut I.
4. Michael sedang belajar Universiti Sains Malaysia.
5. Mereka makan tengah hari restoran Subaidah.
6. Adik perempuan saya lebih tinggi kakak saya.
7. Esok, mereka akan ke Sabah kapal terbang.
8. Aiman memberikan hadiah cikgunya di kelas.
9. Mereka berbual cuaca di Malaysia.
10. Jose berasal Manila, Filipina.

Soalan pertama, jawapan yang tepat adalah pada. Sebanyak 7 (70%) menjawab dengan betul. Soalan kedua, jawapan yang tepat adalah pada. Sebanyak 10 (100%) menjawab dengan betul. Soalan ketiga, jawapan yang tepat adalah ke. Sebanyak 10 (100%) menjawab dengan betul. Soalan keempat, jawapan yang tepat adalah di. Sebanyak 10 (100%) menjawab dengan betul. Soalan kelima, jawapan yang tepat adalah di. Sebanyak 10 (100%) menjawab dengan betul. Soalan keenam, jawapan yang tepat adalah daripada. Sebanyak 6 (60%) menjawab dengan betul. Soalan ketujuh, jawapan yang tepat adalah dengan. Sebanyak 10 (100%) menjawab dengan betul. Soalan kelapan, jawapan yang tepat adalah kepada. Sebanyak 8 (80%) menjawab dengan betul. Soalan sembilan, jawapan yang tepat adalah tentang. Sebanyak 7 (70%) menjawab dengan betul. Soalan sepuluh, jawapan yang tepat adalah dari. Sebanyak 8 (80%) menjawab dengan betul.

Skor tertinggi 100% ialah bagi soalan kedua,ketiga,keempat,kelima dan ketujuh. Semua pelajar menjawab soalan ini dengan betul. Kata sendi nama yang digunakan ialah pada,ke,di,di dan dengan. Manakala skor terendah ialah soalan keenam iaitu sebanyak 60% sahaja yang menjawab dengan betul. Kata sendi nama yang digunakan adalah daripada.Tidak ada pelajar yang mendapat markah kurang daripada lima.

Secara keseluruhannya, prestasi sangat baik dan pelajar asing mampu menggunakan kata sendi nama dengan tepat walaupun mereka hanya belajar LKM 200 selama 15 minggu. Keputusan ini juga turut dipengaruhi oleh latar belakang pelajar asing ini. Hal ini demikian kerana kebetulan pada masa kajian ini dilaksanakan, majoriti pelajarnya berasal dari Indonesia. Mereka ini telah mempunyai pengetahuan sedia ada tentang kata sendi nama bahasa Melayu.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai faktor yang mendorong pelajar asing untuk memperoleh dan menguasai kecekapan dan kemahiran menguasai penggunaan kata sendi nama bahasa Melayu. Faktor keinginan individu, menghadiri kelas bahasa Melayu, bahan pembelajaran, masa pembelajaran dan dorongan guru menjadi penentu kejayaan setiap pelajar. Pelajar juga menggembari pembelajaran bersemuka dengan tenaga pengajar kerana ia merupakan salah satu faktor untuk mereka memahami subjek yang diajarkan dengan mudah. Walau bagaimanapun, keupayaan pembelajaran setiap pelajar tidak sama. Namun, faktor-faktor pendorong ini boleh membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap pembelajaran kata sendi nama bahasa Melayu. Tenaga pengajar juga mempelbagaikan teknik pengajaran kerana pelajar asing ini terdiri daripada pelajar dari pelbagai peringkat usia. Kepada pencinta bangsa Melayu, kuatkan hati, bulatkan tekad, kukuhkan perpaduan, cintai bahasa dan kebudayaan bangsa agar terus utuh di bumi Malaysia dan pada peringkat antarabangsa. Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari semasa ke semasa ini harus dilihat sebagai tanda perkembangan bahasa yang positif dan bukannya kekurangan (Corder, 1981).

7. Rujukan

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Asmah Hj. Omar. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Kaedah dan Prinsip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2006). *Pengajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: Matlamat dan Pertimbangan Strategi*. Jurnal Persatuan Linguistik 7: 1-15
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Kamus Dewan. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Modul Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Pendidikan.
- Tiada nama pengarang. Dilayari pada 19 April 2024
di URL http://readnetwork.com/index.php?option=com_content&view=article&id=148:ajar-anak-anda-membaca-bagaimana-menggunakan-kaedah-fonetik-bahagian-1&catid=57:tips&Itemid=30.
- Tiada nama pengarang. Dilayari pada 25 April 2024 di URL <http://www.scribd.com/doc/39765457/LITERASI-BAHASA>